

# Pelajar korban pertama

Oleh SUHANA MD, YUSOP  
suhana.yusop@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Seorang pelajar tahun pertama Pusat Pendidikan Antarabangsa Kewangan Islam dekat sini menjadi korban pertama penyakit berkaitan selesema babi (H1N1) di negara ini.

Hasil ujian virologi dan bakteriologi terhadap rakyat Indonesia yang berumur 30 tahun itu mendapati spesimen daripada tisu paru-paru dan salurannya adalah positif virus H1N1. Dia meninggal dunia kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang tidak mahu orang ramai panik dengan perkembangan itu berkata, keputusan bedah siasat belum diketahui untuk



## Wabak selesema babi

pengesanan punca kematian.

“Mangsa mempunyai badan yang gemuk serta terdapat tanda-tanda pneumonia pada paru-paru dan kelainan pada tisu jantung serta cecair seperti nanah.

“Siasatan masih dijalankan dan keputusan rasmi akan diumumkan Sabtu ini,” katanya di sini semalam.

Tiong Lai memberitahu, mangsa telah bercuti ke Indonesia dan kembali ke negara ini pada 5 Julai lalu sebelum mengalami demam dan batuk-batuk.

Pada 20 Julai, pelajar itu mengalami demam panas, batuk serta keletihan, dan kesokannya telah pergi mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan swasta di Kampung Baru.

“Selepas menjalani pemeriksaan dan menunggu mengambil ubat, dia pengsan sebelum meninggal dunia pada pukul 11.50 pagi,” katanya sambil menambah, laporan awal mendapati kematian lelaki itu akibat denyutan jantung tidak terkawal.

Tiong Lai memberitahu, sehingga semalam, sebanyak 18 kes baru H1N1 telah dilaporkan dengan 17 kes jangkitan tempatan.

Ia menjadikan jumlah terkumpul kes di negara ini meningkat kepada 939 iaitu 573 kes import dan 366 kes jangkitan tempatan.